



KHAIROL akan berlari dalam acara 4x100m pada acara ujian Sukan Asia di Jakarta

KEMBALI BERAKSI

■ Khairul pamer aksi pertama selepas berehat panjang

Devinder Singh
devinder@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Khairul Hafiz Jantan akan kembali beraksi buat pertama kali pada pertengahan Februari sejak memenangi emas acara 100 meter pada Sukan SEA Kuala Lumpur, Ogos lalu.

Bagaimanapun, Khairul hanya akan berlari dalam acara 4x100m pada acara ujian Sukan Asia di Jakarta bermula 10-18 Februari ini ketika dia bersedia untuk berlari secara kompetitif buat pertama kali dalam tempoh enam bulan.

Khairul, 19, sedang berusaha kembali selepas mengalami kecederaan hamstring pada Sukan SEA yang menyaksikannya menamatkan saingan di kedudukan keempat final 200m dan tidak beraksi dalam acara berganti-ganti.

Ketua jurulatih kebangsaan, Zainal Abas berkata, Khairul terus mengikuti program yang dirancang buatnya oleh jurulatih Poad Kassim yang sedang menjalani rawatan pemulihan di Bandar Penawar selepas keluar dari hospital kerana jangkitan kuman pada pa-

ru-paru awal bulan ini. "Khairul sedang mengikuti program ditetapkan Poad dan ia memerlukan Khairul hanya berlari dalam acara berganti-ganti di Jakarta," kata Zainal.

"Walaupun Poad tidak akan ke sana kerana masih dalam pemulihan, dia sudah mengatur perancangan latihan buat Khairul dan ter- pulang kepada jurulatih untuk mem- tuskan bila Khairul boleh berlari dalam acara indivi- du."

ZAIDATUL turut dipilih KOM ke ujian Sukan Asia.

Khairul ialah seorang da- ripada 18 atlet yang akan di- hantar Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) ke Jakarta bagi menyertai saingan 13 negara termasuk Indonesia, Iran, Jepun dan Thailand.

Atlet kebangsaan lain yang turut disenaraikan ke Jakarta termasuklah pelari pecut,

Badrul Hisyam Manap, Ra- yzam Shah Wan Sofian (lompat berpagar) dan Ha- kimi Ismail (lompat kijang).

Sementara itu, KOM men- gambil keputusan untuk ti- dak menghantar pelari pecut, Nixon Kennedy dan Za- idatul Husniah Zulkifli ke Kejoohan Dalam Dewan Asia di Teheran yang akan bermula Khamis ini se- baliknya kedua-dua mereka akan dihantar ke Jakarta.

RAYZAM Shah akan beraksi dalam acara lompat berpagar.

